



JABATAN KERJA RAYA MALAYSIA

**PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN
PENOLONG JURUUKUR BAHAN
2015
*UKUR BAHAN***

KOD : PJU02

**SUBJEK : AMALAN DAN PROSEDUR
TENDER/KONTRAK**

TARIKH : 7 SEPTEMBER 2015

MASA : 2.00 PTG – 5.00 PTG

**DILARANG MEMBUKA KERTAS SOALAN
SEHINGGA DIARAHKAN**

PERKARA : PJU02 – AMALAN DAN PROSEDUR TENDER/KONTRAK

ARAHAN KEPADA CALON

*Kertas ini mengandungi sepuluh (10) soalan.
Jawab mana-mana lima (5) soalan sahaja.*

Calon tidak dibenarkan merujuk kepada sebarang bahan rujukan.

SOALAN 1

- a) Analisis Kos Elemen (*Elemental Cost Analysis*) merupakan kaedah yang digunakan untuk membuat perancangan kos, penyediaan anggaran awalan, pengagihan kos antara elemen dan sebagainya.
- i) Berikan definisi Analisis Kos Elemen (*Elemental Cost Analysis*).
(2 markah)
- ii) Nyatakan **empat (4)** tujuan Analisis Kos Elemen (*Elemental Cost Analysis*) disediakan.
(8 markah)
- b) *Preliminary Detailed Abstract (PDA)* adalah satu kaedah yang digunakan untuk mendapatkan kos awalan sesebuah projek.
- i) Nyatakan **lapan (8)** item yang terkandung di dalam *Preliminary Detailed Abstract (PDA)*.
(4 markah)
- ii) Nyatakan **tiga (3)** tujuan penyediaan *Preliminary Detailed Abstract (PDA)*.
(6 markah)

SOALAN 2

- a) Dokumen Tender disediakan berdasarkan Senarai Kuantiti (*PWD Form 203A*) atau Lukisan dan Spesifikasi (*PWD Form 203*);
- i) Nyatakan **tiga (3)** perbezaan di antara keduanya.
(6 markah)
- ii) Nyatakan **tiga (3)** tujuan Dokumen Meja Tender disediakan.
(4 markah)
- b) Borang Tender adalah sebahagian daripada dokumen yang disertakan di dalam Dokumen Tender. Nyatakan perkara-perkara penting yang perlu dilengkapkan oleh petender di dalam Borang Tender.
(6 markah)
- c) Nyatakan **lapan (8)** dokumen yang terkandung di dalam Dokumen Meja Tender yang berasaskan Senarai Kuantiti (*PWD Form 203A*).
(4 markah)

SOALAN 3

- a) Berdasarkan Garis Panduan Penilaian Tender Kementerian Kewangan, nyatakan **lapan (8)** dokumen yang perlu dikemukakan oleh petender bagi tujuan penilaian tender.
(8 markah)
- b) Terdapat dua peringkat penilaian tender berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia. Nyatakan **empat (4)** kriteria penilaian yang dinilai di peringkat pertama.
(8 markah)

SOALAN 3 (sambungan)

- c) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Perolehan Kerajaan 2/2013 bagi projek tender tempatan (konvensional);
- i) Nyatakan tempoh sah laku minimum sesuatu tender.
 - ii) Nyatakan tempoh penilaian tender.

(4 markah)

SOALAN 4

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Perolehan Kerajaan 2/2013

- a) Lengkapkan **Jadual S4** di bawah:

Lembaga Perolehan	Tender Kerja
Lembaga Perolehan 'A' Kementerian/Agensi i) Had Nilai	
ii) Keanggotaan	1. 2. 3.
Lembaga Perolehan 'B' Kementerian/Agensi i) Had Nilai	
ii) Keanggotaan	1. 2. 3. 4.

Jadual S4(a)

(10 markah)

SOALAN 4 (sambungan)

- b) Nyatakan **sepuluh (10)** tanggungjawab Lembaga Perolehan.

(10 markah)

SOALAN 5

- a) Nyatakan **tiga (3)** kriteria projek yang sesuai dilaksanakan secara tender terhadap.

(6 markah)

- b) Huraikan proses pelaksanaan kaedah perolehan secara tender terhadap bermula daripada serahan projek oleh pelanggan sehingga Surat Setujuterima Tender dikeluarkan.

(14 markah)

SOALAN 6

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Perolehan Kerajaan 2/2013:

- a) Nyatakan had nilai sebutharga bagi perolehan kerja.

(2 markah)

- b) Nyatakan **empat (4)** dokumen yang terkandung di dalam Dokumen Sebutharga.

(4 markah)

- c) Huraikan proses pemanggilan sebutharga bagi perolehan kerja bermula daripada penerimaan projek sehingga kerja diperakukan siap.

(12 markah)

- d) Nyatakan tempoh sah laku maksimum sebutharga.

(2 markah)

SOALAN 7

- a) Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia, Perolehan Kerajaan 4/2013, nyatakan syarat dan dokumen-dokumen sokongan yang perlu dikemukakan oleh kontraktor bagi membolehkan Bayaran Pendahuluan diproses bagi kontrak kerja.

(8 markah)

- b) Bayaran pendahuluan adalah kemudahan yang diberikan kepada kontraktor untuk memulakan suatu kontrak. Nyatakan nilai maksimum bayaran pendahuluan untuk kontrak kerja yang layak diberikan kepada:

- i) Kontraktor Utama
- ii) SubKontraktor Dinamakan

(6 markah)

- c) Kes 1

Kontraktor Utama	: Pembinaan Unggul Sdn Bhd
Harga Kontrak	: RM11,697,278.71
Wang Peruntukan Sementara	: RM3,570,000.00
Wang Kos Prima	: RM3,500,405.60
Tempoh Kontrak	: 18 Bulan

Kes 2

Kontraktor Utama	: Syarikat Lima Bintang Sdn Bhd
Harga Kontrak	: RM112,997,359.00
Wang Peruntukan Sementara	: RM4,500,000.00
Wang Kos Prima	: RM5,000,000.00
Tempoh Kontrak	: 18 Bulan

Berdasarkan dua (2) maklumat projek yang diberikan di atas, kirakan nilai Bayaran Pendahuluan yang boleh disyorkan kepada kontraktor.

(6 markah)

SOALAN 8

Berdasarkan Arahan Perbendaharaan (AP) 202:

- a) Berikan definisi Arahan Perubahan Kerja.
(3 markah)
- b) Nyatakan **empat (4)** kriteria Arahan Perubahan Kerja.
(8 markah)
- c) Nyatakan **tiga (3)** kaedah asas penilaian Arahan Perubahan Kerja.
(9 markah)

SOALAN 9

- a) Merujuk kepada syarat-syarat kontrak 203/203A (Semakan 1/2010), kontraktor layak dipertimbangkan lanjutan masa berdasarkan kepada sebab-sebab tertentu. Nyatakan **lima (5)** di antara sebab-sebab tersebut.
(5 markah)
- b) Berikan **tiga (3)** langkah untuk mengelakkan berlakunya kelewatan dalam sesebuah projek pembinaan pada peringkat reka bentuk dan penyediaan dokumen tender.
(6 markah)
- c) Berikan **tiga (3)** tujuan Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (*LAD*) dikenakan.
(6 markah)

SOALAN 9 (sambungan)

- d) Berdasarkan maklumat yang diberikan, kirakan kadar Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (*LAD*) dalam tempoh sehari yang akan dikenakan kepada kontraktor:

Kontraktor : Syarikat Bina Maju Sdn. Bhd.
Harga Kontrak : RM6,550,500.00
Tempoh Kontrak : 12 Bulan
BLR Semasa : 6.85%

(3 markah)

SOALAN 10

Huraikan secara ringkas **lima (5)** daripada istilah-istilah di bawah:

- a) Perakuan Siap Kerja (*Certificate of Practical Completion*)
- b) Perakuan Kerja Tidak Siap (*Certificate of Non Completion*)
- c) Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan (*Certificate of Making Good Defect*)
- d) Perakuan Pendudukan Separa (*Certificate of Partial Occupation*)
- e) Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (*Liquidated Ascertained Damages*)
- f) Tempoh Tanggungan Kecacatan (*Defect Liability Period*)

(20 markah)
